

# KREDIT BELI BUKU

Oleh: LEELAWATI SUBRAMANI  
(Pelatih FBMK)

**KALAU** dahulu Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan *meal plan* atau memberi kredit kepada mahasiswanya untuk menampung perbelanjaan makan di kampus.

Kini, bagi seluruh mahasiswa UPM mereka amat bertuah kerana UPM memperkenalkan satu lagi pendekatan bagi membantu proses pembelajaran berpusatkan pelajar. Skim yang diperkenalkan tersebut ialah kemudahan kredit buku teks atau *books plan*.

Skim ini baru diperkenalkan kepada 1,034 mahasiswa sebagai projek perintis. Di bawah skim ini, UPM memasukkan nilai kredit sebanyak RM 200 dalam akaun mahasiswa di awal semester.

Mahasiswa yang terlibat hanya boleh menggunakan wang tersebut untuk membeli buku sahaja. Sekurang-kurangnya daripada kredit yang diperuntukkan ini mahasiswa tidak perlu lagi rusing untuk mencari wang bagi membeli buku sementara menunggu wang pinjaman atau biasiswa.

Perkara ini juga mendapat perhatian dan pujian Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Titah baginda, "Usaha membentuk persekitaran yang kondusif bagi menyokong proses pembelajaran patut diberi pujian."

"Beta gembira dengan usaha terbaharu UPM yang menyokong pendekatan pembelajaran berasaskan pelajar di mana UPM telah memperkenalkan skim kemudahan kredit buku teks sebagai projek perintis kepada kumpulan pelajar tertentu," titah baginda lagi.

Menurut baginda, daripada RM207,000 jumlah kredit yang dikeluarkan oleh UPM, pelajar yang menerima

■ Lihat muka surat 2



**MERDEKA** ... Seluruh warga kampus UPM merasai kehangatan Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-48 peringkat UPM yang disambut secara besar-besaran. Antara aktiviti yang mendapat sambutan ialah Pertandingan Sorak Merdeka. Pertandingan ini berlangsung pada Malam Ambang Merdeka iaitu detik menunggu jam 12.00 tengah malam 31 Ogos 2005. – Gambar menunjukkan pasukan sorak Fakulti Sains, Gema Merdeka mempamerkan kesungguhan dan daya kreativiti pasukannya. Pasukan ini dinobatkan sebagai juara pertandingan tersebut. Berita lanjut di muka 27. Foto: Ahmad Fua'ad Alwi.